

## **Dakwah Kontemporari Islam Rentas Sempadan: Potensi Jalinan Antara Sabah dan Kalimantan**

Issraq Ramli  
Universiti Malaysia Sabah, Malaysia  
issraq@ums.edu.my

### **Abstarcet**

Islam wujud berteraskan holistik dan syumul tanpa ada batasan agama, bangsa, negara. Peluang dakwah tidak mengenal masa dan tempat. Perlu dilaksanakan di setiap peringkat. Dalam dunia infrastruktur semakin baik, ditambah dengan teknologi digital konsep dakwah lebih meluas dan komprehensif. Pemindahan ibukota Indonesia Ke Kalimantan menjadi suatu peluang kepada Sabah, Malaysia dan Kalimantan, Indonesia untuk bekerjsama dalam setiap aspek dakwah dengan berteraskan rumpun yang sama dari sudut bahasa, berakidahkan ahlisunnah yang sama dengan mazhab Syafii sebagai panduan utama asas syariat Islam. Peluang seperti ini boleh dimanfaatkan sebaik mungkin untuk meningkatkan potensi dakwah dari aspek pentadbiran, pendidikan. Sosiobudaya dan lain-lain. Diharapkan lahirnya ibukota baru dan kemudahan infrastruktur baik akan menjadikan perkembangan dakwah di Kalimantan dan Sabah, Malaysia terus berkembang pada masa akan datang.

Kata kunci: Dakwah, Dakwah digital, Agama Islam, Pendidikan Islam, Pendakwah, Jabatan Agama, Kementerian Agama

### **Introduction**

Islam merupakan agama dan cara hidup yang syumul atau menyeluruh, di mana semua aturannya telah ditentukan dalam segenap aspek kehidupan manusia yang mencakupi persoalan akidah, ibadah, akhlak, hingga kepada urusan kemasyarakatan dan kenegaraan yang merangkumi domain ekonomi, pendidikan, politik dan sosial. Sumber hukum dari al-Quran dan al-Sunnah merupakan pedoman yang terbaik kepada manusia di mana ia merupakan wahyu Allah SWT yang mengandungi penjelasan hukum bagi setiap persoalan dalam kehidupan seharian. Kewujudan semua aspek dalam kehidupan masyarakat dirancakkan dengan aktviti dakwah pada setiap masa dan zaman.

Hubungan Malaysia dan Indonesia tidak perlu dipertikaikan. Ianya boleh diteliti sejak perkembangan tamadun Melayu di rantau ini. Kedudukan Asia Tenggara amnya dan Nusantara khususnya yang berada di antara dua peradaban besar Asia iaitu Hindu dan Buddha menyebabkan kawasan ini dipengaruhi oleh kedua-dua peradaban tersebut. Sehubungan dengan itu kebangkitan peradaban Melayu adalah melibatkan kedua-dua elemen. Menurut Harrison (1964): South-east Asia has never been in any sense an isolated or self contain unit. Because of its crossroads situation on the map of Asia it has always been peculiarly exposed to external influences; it has been a meeting ground of commerce, cultures and civilization.

Sejarah menunjukkan Islam telah dianuti oleh sebahagian masyarakat Nusantara pada abad ketiga belas masih lagi. Namun ia belum lagi tersebar dengan meluas ke seluruh pelusuk Nusantara sehinggalah tertubuhnya kerajaan Melaka pada tahun 1403. Bahkan mengikut kajian pada abad keenam belas boleh dikatakan hampir seluruh Kepulauan Melayu telah menganut agama Islam. Hasil daripada usaha dakwah dan gerakan Islam, maka muncul beberapa kerajaan Islam yang kuat di Alam Melayu seperti Kerajaan Islam Perlak, Kerajaan Islam Samudra-Pasai, Kerajaan Melayu Melaka, Kesultanan Aceh, Kerajaan Islam Johor-Riau, Kerajaan Islam Pattani dan lain-lain (Mohd. Muhibden Abd. Rahman, 2008)

Untuk mengekalkan agama Islam itu kekal sebagai panduan hidup kerja atau aktiviti dakwah harus diteruskan dan dilaksanakan oleh semua pihak. Sebagai satu agama yang merupakan majoriti populasi penduduk kedua-dua negara dapat direalisasikan banyak program merentasi sempadan. Potensi besar apabila Kalimantan dijadikan Ibu negara Indonesia yang diumumkan oleh Presiden Jokowi pada 26 Ogos 2019 yang akan membina Ibu Negara di wilayah Kalimantan Timur . Pemindahan besar ini memberikan impak yang besar dalam hubungan dua hala yang sangat hampir dengan negeri Sabah dan Sarawak.

## Methods

Metode yang digunakan pada tulisan ini yaitu metode literatur study (kajian pustaka). Kajian pustaka merupakan metode yang hasil analisa berbagai informasi konseptual serta datadata kualitatif maupun kuantitatif dari berbagai artikel ilmiah yang terpublikasi sebelumnya.

## Findings dan Discussion

### 1. Dakwah Era Globalisasi

Dakwah ialah usaha menyeru, mengajak, memujuk dan memandu manusia ke arah memahami dan menerima Islam sebagai agama yang lengkap. Dakwah adalah satu tanggungjawab mulia yang tinggi martabatnya di sisi Allah SWT dan menjadi sebab utama para rasul diutuskan. Justeru, al-Qur'an dan Sunnah Nabi SAW menjadi kandungan utama yang perlu disampaikan kepada manusia di sepanjang zaman. Dalam proses penyampaian ini, Allah membekalkan kaedah atau metode asas bagi menjayakan aktiviti pendakwahan. Dalam surah al-Nahl, ayat 125 Allah berfirman maksudnya: "Serulah ke jalan Tuhanmu (wahai Muhammad) dengan hikmah kebijaksanaan dan nasihat pengajaran yang baik, dan berbahaslah dengan mereka (yang engkau serukan itu) dengan cara yang lebih baik". Ayat ini menjadi pokok perbahasan kepada metodologi dakwah, iaitu berhubung dengan cara, kaedah atau pendekatan dalam menyampaikan mauduk dakwah. Ketiga-tiga metodologi iaitu - 'hikmah', 'almau'izah al-hasannah' dan 'al-mujadalah al-husna' – adalah manhaj rabbaniyyah yang sesuai diaplikasi di sepanjang masa dan tempat (Zulkiple Abd Ghani, 2021)

Menurut Yusuf al-Qaradhwai (2001) para pendakwah mesti memahami lima kaedah utama supaya apa yang disampaikan tepat, sesuai, bermanfaat dan menyeluruh. Lima kaedah yang penting adalah seperti berikut:

- a. Fiqh Maqasid (sasaran), suatu fiqh yang tidak hanya berhenti pada juz'iyyat (cabang) dan kulit syariat saja, tetapi menembusi kuliyyat (keseluruhan) dan sasaran-sasaran syariat dalam segala aspek kehidupan.
- b. Fiqh Aulawiyat (keutamaan) dengan mendalami keutamaan yang perlu dalam Islam. Mengutamakan yang paling utama dari yang utama, mendahulukan yang fardhu dari yang sunat dan sebagainya.
- c. Fiqh Sunan, yakni sunnah-sunnah kauniah (sifat alam) dan ij'tima'iyah (sosial) yang telah ditetapkan oleh Allah di alam ini. Sunnah-sunnah itu bersifat pasti dan tidak berubah, seperti sunnah perubahan dan sebagainya.
- d. Fiqh Muwāzanaḥ Baina al-Maṣōlih wa al-Mafāsid (pertimbangan antara kemaslahatan dan kemuḍarat) yang didasarkan kepada pemahaman, kajian ilmiah, objektif dan ketelitian terhadap realiti, baik realiti kita mahupun realiti orang lain dengan memanfaatkan semua data, informasi dan kemudahan moden.
- e. Fiqh Ikhtilaf (perbezaan pendapat) yang sudah dikenali sejak abad terbaik umat, yakni masa para sahabat, tabi'in dan para Imam mazhab. Perbezaan ilmiah yang terjadi dalam kalangan mereka tidak pernah menimbulkan impak negatif sama sekali. Kealpaan dalam menekuni Fiqh Ikhtilaf menyebabkan kita saling bermusuhan lantaran masalah-masalah kecil atau tanpa sebab sama sekali.

Konsep dakwah masa kini harus digapai dan diaplikasikan bersesuaian dengan peredaran masa. Umat Islam tidak boleh lagi menggunakan metode klasik atau tradisional untuk menyampaikan dakwah Islam. Dakwah rentas sempadan melalui medium media sosial seperti youtube, facebook live, Tik Tok dan lain-lain telah mengambil manfaat dakwah secara fizikal. Dakwah melalui media sosial dikatakan cukup efektif kerana tidak terbatas oleh masa, tempat, keadaan dan situasi. Selaras dengan pandangan

Noraien Mansor dan Normaliza Abd Rahim (2017) yang mendapati bahawa media sosial merupakan antara salah satu cara dalam menyebarkan bahan kepada pengguna. Menurut Izwah (2010), media banyak membantu pendakwah untuk memahami sasaran dakwahnya. Tambahan setelah dunia mengalami Covid-19. Media sosial untuk dakwah sangat memberi kesan sama ada bersifat tempatan atau antarabangsa. Semenjak kes pandemik dunia inilah dakwah media sosial sangat memberi kesan dan menjadi tumpuan masyarakat dunia. Dari sinilah pendakwah-pendakwah dari Malaysia dan Indonesia dikenali.

Media sosial memberikan banyak sekali manfaat yang baik dan boleh juga memberi impak yang buruk. Baik sekiranya digunakan untuk mendapatkan informasi dan buruk bila digunakan untuk perkara-perkara yang negatif. Media sosial membolehkan penggunanya di seluruh dunia untuk saling berkomunikasi dan berkongsi informasi. Penggunaan media sosial sebagai medium dakwah sangat memberi manfaat yang efektif kerana maklumatnya tanpa sempadan dan tidak terbatas dengan ruang dan waktu. Dakwah Islam boleh disebarluaskan dan diterima secara pantas dan efisien (Mohd Mokhtarishah,2021).

Ghazali (2007) berpendapat bahawa dalam membentuk komunikasi Islam yang sesuai dengan kehendak yang telah ditetapkan oleh Islam, maka beberapa syarat-syarat dalam penggunaan media yang perlu dituruti oleh media yang selari dengan syariat Islam adalah seperti berikut:

- a. Membetulkan niat melakukan usaha penerbitan media semata-mata kerana Allah. Dalam melaksanakan tuntutan dalam berdakwah, setiap perkara yang dilakukan hendaklah semata-mata kerana Allah. Niat yang betul akan membawa hasil yang dapat memberi natijah yang berkesan kepada golongan Sasaran. Tugas menyebarkan dakwah ini bukanlah sesuatu yang boleh dilakukan sambil lewa sahaja. Ianya memerlukan kepada niat dan juga pengisian yang bermatlamatkan untuk menyumbang kepada pembangunan ummah.
- b. Perkara yang diterbitkan mestilah yang dibenarkan oleh syarak. Perkara yang diterbitkan oleh pihak yang menggunakan metod media sebagai wasilah untuk berdakwah haruslah yang halal dan tidak cenderung kepada sesetengah pendapat sahaja. Ianya haruslah bersifat menyeluruh dan tidak lari dari ajaran Islam. Saluran maklumat yang diberikan juga haruslah tepat dan menepati ajaran Islam agar masyarakat tidak keliru dan mudah memahami isi dakwah yang disampaikan.
- c. Pelaksanaan media hendaklah mengikut lunas-lunas yang dibenarkan oleh syariat, tidak menyalahi hukum-hakam dan bertugas menyebarkan dakwah Islam sebagai melaksanakan tugas fardu kifayah. Penggunaan media untuk penyiaran agama sangat penting terutama pada zaman teknologi maklumat masa kini. Menurut Ahmad (2006) media Islam pada hari ini juga perlu tampil sebagai pembina budaya dengan melakukan islah budaya yang berjiwa tauhid dalam kerangka dan batas syariat.

## 2. Toleransi Agama dan Rumpun Nusantara

Keharmonian yang dimiliki oleh kedua-dua negara mewujudkan toleransi agama yang perlu dikekalkan. Tiada isu perselisihan agama yang muncul, bahkan semua agama bebas menjalankan aktiviti agama masing-masing. Kesejagatan ini memberikan peluang yang sangat berkesan untuk menyampaikan dakwah sekiranya peluang-peluang yang ada itu dihargai dan dipenuhi. Perkara ini boleh dilihat oleh beberapa perkara:

- a. Kumpulan etnik dan rumpuan yang sama.

Seperti yang kita maklumi antara etnik yang ramai di pantai Timur Sabah ialah mereka yang berasal dari Kalimantan dan Sulawesi Indonesia. Ini mempermudahkan dari sudut Bahasa dan pemahaman komunikasi setempat. Menurut Zikmal Fuad (2015) bahawa seorang pendakwah dalam menyampaikan dakwahnya harus mampu menggunakan bahasa dakwah yang efektif, berkualiti dan mencapai sasaran serta mempunyai pengaruh terhadap hati dan akal fikiran.

Seterusnya diikuti dengan teladan yang baik. Ertinya keberhasilan dakwah yang dilaksanakan sangat bergantung kepada penggunaan bahasa dakwah yang tepat dan jitu. Lihat saja bagaimana Ust Dr. Dasad Latif dari Sulawesi yang sinonim dengan etnik Bugis telah memudahkan dakwah beliau di Sabah khususnya. Kehadiran beliau pada Majlis Tilawah dan Menghafaz Al-Quran peringkat negeri

Sabah 2022 menujukkan penerimaan masyarakat Sabah dan kefahaman masyarakat dengan ceramah yang dibawa oleh beliau.

b. Aliran Aqidah dan Mazhab Fiqh di kedua-dua negara.

Sabah mencatatkan populasi Muslim di Sabah tahun 2020 ialah serama 69.59 peratus. Di Kalimantan, Indonesia jumlah penduduk Muslim ialah seramai 78.23 peratus tahun data 2010 . Data populasi ini menunjukkan agama islam merupakan dominan agama di Kalimantan dan Sabah. Dari sudut mazhab juga, dominasi mazhab Syafii, terutama dalam kes-kes ibadat dalam masyarakat Islam di Malaysia masih kuat, sekalipun terdapat sedikit anjakan dalam kes-kes di mana mengamalkan pendapat Syafii akan membawa kepada keadaan yang bertentangan dengan kemaslahatan awam (Anisah Abd Ghani, 2007) Masyarakat umum orang Islam di Malaysia masih sukar menerima anjakan dari mazhab Syafii kepada mazhab lain. Ini kadangkala membuatkan pihak-pihak berwajib terpaksa 'menyelongkar' pendapat dalam mazhab Syafii untuk mencari hukum yang dapat diterima oleh masyarakat, sekalipun pendapat itu daif dan sekalipun pendapat daif itu sama dengan pendapat yang kuat mazhab lain. Isu mazhab bukan merupakan kekangan untuk dakwah itu dilaksanakan kerana nilai serumpun bahasa yang sama memudahkan proses dakwah dilakukan. Di Indonesia walaupun tidak meletakkan Mazhab Syafii sebagai satu mazhab yang utama, namun ia sangat berpengaruh besar terhadap perkembangan hukum di Indonesia. Mazhab ini telah lama berkembang dan mengakar pada majoriti muslim di Indonesia. Mazhab Syafii adalah mazhab yang sangat tepat diterapkan kepada penduduk Nusantara dengan tidak memandang mazhab Imam yang lain salah. Keunggulan mazhab Syafii dengan mazhab Imam yang lain salah satunya adalah dari segi pengambilan hukum yang seimbang menggunakan nas dan ra'yu (logika) dalam penetapan hukum (Ainil Nailatu Rahmah, Ashif Az Zafi, 2020).

Malaysia dan Indonesia mempunyai banyak persamaan dan juga perbezaan dalam pelbagai aspek khusunya unsur dan pegangan akidah. Perbezaan pendapat yang terhasil daripada kerangka pemikiran yang berlainan manhaj dan kaedah memang berlaku di rantau ini. Ini terbukti dengan kelahiran pelbagai pendekatan seperti tradisional, moden, tajdid, salafi, neo-moden, liberal dan lain-lain. Perbezaan latar belakang menyaksikan perbezaan pemikiran di atas ditangani oleh negara atau masyarakat masing-masing. Malaysia sebagai contoh mempunyai pelbagai institusi agama yang menobatkan manhaj Ahl al-Sunnah waal-Jama'ah sebagai mazhab rasmi dengan mazhab al-Asy'ari dalam bidang akidah dan mazhab Syafii dalam bidang fiqh diterima secara rasmi. Ia dinyatakan dalam banyak tempat seperti enakmen yang diterima pakai oleh kebanyakan negeri di Malaysia. Sementara itu, di Indonesia terdapat Majlis Ulama Indonesia (MUI) disamping majoriti masyarakat Islam sama ada dirujuk kepada Muhamadiyyah atau Nahdhatul Ulama. Pengamatan terhadap cara atau kaedah kedua-dua negara tersebut menangani kepelbagaian aliran pemikiran ini boleh dilihat dari aspek pro dan kontranya (Rahimin Affandi Abdul Rahim, 2008)

c. Peranan Ulama di Kedua-dua buah Negara.

Muzakarah Ulama dan Pendakwah Malaysia- Indonesia 2015 anjuran Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia dan Kedutaan Besar Malaysia di Republik Indonesia yang berlangsung pada 9 April 2015M bersamaan dengan 19 Jamadilakhir 1436H di Hotel Grand Hyatt Jakarta dan disertai seramai 50 orang wakil ulama, pendakwah, dan agensi Islam kedua-dua buah negara setelah membahaskan tema "Kesepakatan Ummah Malaysia-Indonesia Di dalam Menangani Gejala Ekstrimisme" telah sepakat meluluskan resolusi dan rekomendasi. Muzakarah ini menunjukkan bahawa perbincangan isu serantau sentiasa dijalankan oleh kedua-dua buah negara.

Menurut Fauziah Nasution (2021), peranan individu ulama memiliki peranan yang sangat signifikan dalam menghubungkan dakwah Indonesia-Malaysia. Peranan ini dapat tergambar dengan adanya hubungan intelektual para ulama dan guru-guru agama Indonesia-Malaysia. Hubungan intelektual para ulama dan guru-guru agama inilah yang menjadi jambatan dakwah Indonesia-Malaysia sekaligus menguatkan jalinan dakwah Indonesia-Malaysia dari masa-masa sebelumnya. Hubungan intelektual ini tergambar dari pemahaman dan kehidupan beragama jamaah yang sangat dipengaruhi oleh ajaran atau metod dakwah para ulama dan guru-guru agama di majlis taklim. Beberapa nama ustaz Indonesia yang memiliki pengaruh pada pemikiran, pemahaman dan kehidupan beragama masyarakat Malaysia adalah Buya HAMKA dan Imanuddin Abdul Rahim, Abdul Somad

dan Dasad Latif antara nama yang sangat dikenali di Malaysia. Tradisi lisan merupakan metode ceramah yang lumrah dipergunakan pada umumnya. Tradisi ini dengan sendirinya mengembangkan hubungan intelektual dalam skop yang lebih luas Iaitu dari lingkungan pelajar hingga masyarakat luar amnya.

### **3. Dakwah Melalui Pelbagai Medium**

Dengan adanya fasiliti rentas sempadan terbukanya pintu sempadan, dakwah Islam akan lebih mencabar dan terbuka. Terjalannya hubungan silaturrahim, pembangunan masjid dan sekolah agama akan semakin berkembang disebabkan keperluan setempat. Pendidikan rendah, menengah dan Pendidikan peringkat lebih tinggi akan berkembang pesat. Kewujudan banyak pusat-pusat pengajian pondok di kedua-dua buah negara khusus Kalimantan dan Sabah.

#### a. Kerjasama Pendidikan

Di Kalimantan Selatan sahaja terdapat sejumlah pondok pesantren yang banyak iaitu sekitar sekitar 214 pondok pesantren yang tersebar di 13 wilayah .Wilayah dengan pondok pesantren terbanyak terletak di kabupaten Banjar iaitu sekitar 33 pondok pesantren. Ini menunjukkan bahawa pengajian pondok sangat dititikberatkan sebagai wadah untuk perkembangan Islam di Kalimantan. Di Sabah dengan lebih dikenali nama Pusat Tahfiz dan pengajian Agama. Menurut data dari Pertubuhan Pembangunan Pendidikan Islam Sabah (PISA) terdapat 13 Sekolah Rendah Islam (SERI), 17 Pondok dan Madrasah dan 27 pusat Tahfiz yang mendaftar dengan JHEAINS (Jabatan Hal ehwal Islam Negeri Sabah). Aliran agama sudah menjadi satu trend pilihan pelajar dan ibubapa. Keterbukaan sistem pondok atau pesantren dapat membuka peluang anak Sabah khususnya untuk belajar ilmu-ilmu Islam di pondok-pondok atau pesantren yang ada di Kalimantan.

Di peringkat pengajian Tinggi, di Sabah terdapat Fakulti Pengajian Islam di Universiti Malaysia Sabah yang mempunyai disiplin ilmu Pengajian sama ada secara klasik dan kontemporari. Manakala di Kalimantan terdapat beberapa institusi Pengajian Tinggi seperti Institut Agama Islam Negeri Samarinda, Universitas Muhammadiah Pontianak, Universitas Islam Negeri Pangeran Antasari Banjarmasin, Universitas Islam Kalimantan Muhammad Arsyad Al-Banjari Banjarmasin dan Universitas Muhammadiyah Kalimantan Timur yang mempunyai disiplin khusus dalam bidang pengajian Islam. Kewujudan institusi ini memudahkan program mobiliti melalui pertukaran pensyarah dan pelajar. Kerjasama seminar, penyelidikan dapat dilaksanakan dengan adanya kemudahan rentas sempadan.

#### b. Kerjasama Jabatan Agama Negeri

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sabah (JHEAINS) merupakan agensi jabatan kerajaan negeri dibawah Kementerian Undang-undang dan Hal Ehwal Anak Negeri. JHEAINS ditubuhkan pada 1 Januari 1996 melalui kertas kabinet bil.25/95, rcc. 101/469 jilid 3. 11 Ogos 1994 bagi melaksanakan dasar-dasar Majlis Ugama Islam Negeri Sabah (MUIS). Rasional penubuhan JHEAINS adalah selaras dengan peranannya sebagai agensi pelaksana dan penguatkuasa bagi MUIS dan selaras dengan enakmen pentadbiran undang-undang Islam, no. 13/1992. Segala bentuk kawalan pentadbiran agama diuruskan terus oleh JHEAINS.

Daerah Kalimantan semua urusan hal ehwal agama adalah di bawah Kantor Wilayah Kementerian Agama mengikut Provinsi Kalimantan Tengah, Barat, Timur dan Selatan. Semua tanggungjawab terus kepada Kementerian Agama yang Ketika ini beribu pejabat di Jakarta. Urusan agama tidak mempunyai peruntukan dan jabatan khusus bagi wilayah Kalimantan. Namun hak pentadbiran adalah bersesuaian dengan wilayah masing-masing. Contohnya Kementerian Agama RI Kantor Wilayah Provinsi Kalimantan Timur mempunyai portfolio yang hampir sama dengan JHEAINS di Sabah. Cuma yang agak menarik mereka mempunyai bimbingan untuk semua masyarakat Kristian, Katolik, Hindu dan Budha. Mereka menyantuni secara khusus semua agama yang ada dalam masyarakat. Mereka tidak meletakkan urusan agama itu khusus hanya untuk agama Islam. Toleransi agama agak terbuka di wilayah Kalimantan dan juga daerah-daerah lain di Indonesia amnya.

Kerjasama dua hala dapat dilaksanakan dengan memudahkan aktiviti keagamaan dilakukan seperti kebenaran mengajar atau hal-hal lain yang berkaitan. Dari sudut penyebaran dakwah oleh Ngo atau orang perseorangan yang boleh diselia atau awasi sekiranya ada bentuk-bentuk yang tidak menepati pegangan akidah dan syariat dikedua-dua belah negara. Makakerjasama seperti ini amat perlu untuk memastabatkan agama Islam di sempadan kedua-dua buah negara dan toleransi untuk semua agar keamanan sejagat itu dapat dipertahankan..

## Conclusion

Potensi dakwah akan semakin berkembang bila persempadanan kedua buah negara dapat direalisasikan dengan mudah. Pemindahan ibukota Indonesia ke Balikpapan adalah satu permulaan yang baik untuk Sabah khususnya melebarkan proses dakwah sama ada bentuk pentabiran, pendidikan atau sosiobudaya setempat. Mengambil peluang atas kerjasama dua hala ini akan merancakkan lagi aktiviti dakwah di kedua-dua buah negara dan dapat memelihara kesejagatan pada masa akan datang.

## References

- Ahmad Zaki Abdul Latiff. 2006. Transformasi Gerakan Islam dan Dakwah Timur Tengah dan di Malaysia. Shah Alam: UPENA.
- Atikullah Hj Abdullah (2010) Konsep Dan Ciri-ciri Fqh Lestari: Ke Arah Mengarusperdanakan Fiqh Dalam Kehidupan Masyarakat. Jurnal Syariah, Jil. 18, Bil. 3 (2010) 507-526.
- Anidah Abd Ghani (2007) Kedudukan Mazhab Syafi`I Dalam Ibadat Di Malaysia. Jurnal Fiqh: No. 4 (2007) 185-196. Universiti Malaya: Kuala Lumpur.
- Fauziah Nasution (2021) Peran Majelis Taklim Dalam Menjembatani Dakwah Indonesia-Malaysia; Analisis Jalinan Intelektual Ustaz-Jamaah. Makalah Seminar Internasional “Menjembatani Dakwah Indonesia-Malaysia” FDIK IAIN Padangsidiimpuan.
- Ghazali Sulaiman (2007) Media Komunikasi Islam. S.Salahudin Suyurno, Huzaimah Hj Ismail & Aini Faiezah Ramlan (pnyt). Shah Alam: UITM.
- Harrison, B. (1964) South-East Asia A Short History. London: Macmillan & Co Ltd.
- Izwah Saudi. 2010. Penerimaan Remaja Terhadap Unsur-Unsur Dakwah Dalam Drama Di TV1. Tesis Sarjana, Jabatan Dakwah Dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohd Mokhtarishah Bin Mohamed Mokhtar, Hasmadi Bin Hj. Hassan (2021) Penggunaan Media Sosial Sebagai Medium Dakwah Islam Dalam Kalangan Penduduk Kampung Beserah, Kuantan, Pahang. <http://journal.ump.edu.my/ijhtc> International Journal of Humanities Technology and Civilization (IJHTC) Copyright © Universiti Malaysia Pahang Press ISSN: 2289-7216 (PRINT), e-ISSN: 2600-8815 (ONLINE) IJHTC Issue 11, Vol 1 July 2021. pp 90-107
- Mohd. Muhiben Abd. Rahman (2008) Kedatangan Islam Ke Nusantara Dan Pengaruhnya Terhadap Budaya Ilmu. Islam Futura, Vol. VII, No.2. Center for Research and Community Service (LP2M) in cooperation with the Postgraduate Program of UIN Ar-Raniry Banda Aceh, Aceh, Indonesia.
- Noraien Mansor & Normaliza Abd Rahim. (2017). Written Discourse In Digital Audio Folklore. Man In India. 97(2): 491-499.
- Rahimin Affandi Abdul Rahim (2008) Pendekatan Malaysia Dan Indonesia Dalam Menangani Perkembangan Aliran Pemikiran Islam: Satu Analisis Perbandingan. Journal Of Southeast Asia, Vol:3, Universiti Malaya: Kuala Lumpur
- Rohani Hj. Ab Ghani & Zulhilmi Paidi (2010) Malaysia-Indonesia: Pengalaman Hubungan Dua Negara Serumpun. Proceedings Seminar on Nasional Resilience (SNAR 2010) Universiti Utara Malaysia , Sintok.
- Zikmal Fuad (2015) Pendekatan Bahasa Dalam Dakwah:Satu Kajian Dari Perspektif Al-Quran. e-jurnal Penyelidikan dan Inovasi Jilid ii, Isu II (september 2015) 14-25 e-issn 2289-7909.
- Zulkiple Abd Ghani (2021) Ekosistem Dakwah Digital: Cabaran Masa Depan Dunia Dakwah. Kertas Prosiding Simposium Dunia Dakwag Digital 2021.